

06 OCT 2003

Mahathir-Perniagaan

SAYA TETAP IKUTI AKTIVITI ASEAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Salbiah Said dan Openg Onn

NUSA DUA (Bali), 6 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata meskipun Sidang Kemuncak Asean yang dihadapinya kali ini merupakan yang terakhir baginya, tetapi beliau masih terus berminat dengan aktiviti perkumpulan serantau itu walaupun selepas persaraannya akhir bulan ini.

"Seperti yang anda sedia maklum, saya akan bersara dan akan menjadi kurang aktif. Tetapi saya tetap berminat dengan Asean," katanya pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan Asean di sini hari ini.

Banyak perkumpulan serantau lain mungkin tidak begitu berjaya seperti Asean, katanya, sambil menarik perhatian bahawa perkumpulan itu telah berjaya dalam menyatupadukan sektor swasta, seperti yang dibuktikan oleh Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan itu, yang diadakan di bawah naungan Asean.

Dalam ucapannya selama 20 minit di hadapan lebih 700 orang yang mewakili sektor swasta dari negara-negara Asean, Dr Mahathir menawan setiap yang hadir dengan ucapannya berkaitan urusan semasa menjalankan perniagaan dengan kerajaan.

Para perwakilan itu hampir menamatkan mesyuarat hari ini, tetapi terus setia mendengar "Suara Asia" menyampaikan ucapannya pada Sidang Kemuncak Perniagaan (BIS) Asean, yang diadakan di sini di luar Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara Asean, yang akan diadakan selama dua hari mulai esok.

Ini diperjelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Asean-BIS, dalam ucapan pengenalannya: "Kita tidak akan meninggalkan dewan ini sehingga Dr Mahathir datang dan memberikan kata-kata hikmatnya. Kami sayangkan tuan dan kami masih ingin berjumpa tuan meskipun selepas persaraan tuan."

Dr Mahathir berkata kunci kepada kejayaan ini terletak kepada kerjasama rapat antara kerajaan dengan sektor swasta, dan bagi tujuan itu kerajaan telah melaksanakan konsep Persyarikatan Malaysia.

"Persyarikatan Malaysia telah membawa manfaat kepada sektor swasta dan juga negara," katanya.

Kerajaan Malaysia, katanya, menggalakkan sektor swasta supaya berjaya dan Malaysia juga mengenakan cukai koporat sebanyak 28 peratus yang merupakan paling rendah di wilayah ini.

"Setiap kali mereka memperolehi RM1, 28 sen dipunyai oleh kerajaan," katanya dengan memberikan contoh bagaimana Persyarikatan Malaysia memberikan manfaat kepada kerajaan.

"Saya selalu memberitahu mereka, kita adalah rakan kongsi. Ia merupakan satu perniagaan yang paling baik," kata Dr Mahathir, dengan disambut ketawa serta tepukan daripada para perwakilan.

"Setiap kali sektor swasta membuat keuntungan, kerajaan memperolehi pulangannya tetapi jika anda rugi, itu masalah anda," katanya secara bergurau.

Beliau berkata kutipan cukai dibuat bagi membantu membiayai projek-projek pembangunan negara.

Sambil menarik perhatian terhadap pentingnya kerjasama rapat antara kerajaan dengan sektor swasta, Dr Mahathir berkata: "Kita juga perlu bercakap dengan kerajaan-kerajaan lain."

Katanya kerajaan Malaysia, semasa menyediakan Bajet tahunannya, mengadakan dialog dengan sektor swasta dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, sebagai contoh, mengendalikan sesi itu bersama mereka.

Usaha seperti itu, memberikan pulangan yang amat lumayan kepada kerajaan Malaysia, kata beliau lagi.

Beliau berkata penswastaaan entiti milik kerajaan Malaysia telah mencatatkan kejayaan, sebagai contoh Telekom Malaysia Bhd.

Menerusi langkah penswastaaan ini, katanya kerajaan menetapkan syarat kepada syarikat-syarikat yang diswastakan supaya tidak memecat kakitangan mereka dan mereka juga perlu memberikan ganjaran yang menguntungkan kepada pekerja-pekerja terbabit, tidak kurang daripada yang dinikmati kakitangan awam.

Dalam kes Telekom Malaysia, Dr Mahathir berkata kerajaan pada 1983 memperuntukkan kira-kira RM200 juta untuknya beroperasi sebagai sebuah syarikat.

Hari ini, Telekom Malaysia memperolehi pendapatan berjumlah RM2 bilion, dan kerajaan pula turut menikmati keuntungan yang amat banyak setelah mengekalkan sahamnya dalam syarikat itu, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

SS OPP MRA RV ROS